

# PERBARISAN BULANAN KOMANDAN KOLEJ TENTERA UDARA

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4701-perbarisan-bulanan-komandan-kolej-tentera-udara-5](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4701-perbarisan-bulanan-komandan-kolej-tentera-udara-5)

ALOR SETAR, 22 Mac 19 - Perbarisan Bulanan Komandan Kolej Tentera Udara bagi bulan Mac 2019 telah dilaksanakan di Padang Kawad KTU melibatkan semua peringkat Pegawai dan anggota lain-lain pangkat termasuk kakitangan awam serta pelatih.

Ini merupakan perbarisan pertama bagi Komandan KTU yang baru mengambil alih iaitu Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM diiringi Pegawai Laksana Kolej, Kol Omar bin Hj Dawami TUDM. Budaya kerja berintegriti, bertanggungjawab dan ikhlas di samping mengekang penyalahgunaan dadah dan buli dikalangan anggota telah ditekankan di dalam ucapan pertama beliau.

